



# Jalan Kuala Lumpur -Bentong ditutup

(14 FEBRUARI 2023) BH, P17

**Pengguna diminta guna laluan alternatif selepas tanah runtuh akibat banjir kilat**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman dan Amir Hamzah Nordin  
bhnews@bh.com.my

**Bentong:** Jalan Kuala Lumpur-Bentong yang menghubungkan Genting Sempah ke Janda Baik

ditutup kepada semua kenderaan mulai semalam.

Kejadian jalan runtuh itu dianggarkan berlaku sepanjang 50 meter di laluan FT68, Jalan Bentong-Kuala Lumpur (jalan lama) dalam kejadian banjir kilat pada jam 6.30 petang kelmarin.

Orang ramai dinasihatkan menggunakan jalan alternatif iaitu Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak-Persimpangan Bukit Tinggi - Stesen BHP Bukit Tinggi - SMK Bukit Tinggi - Janda Baik.

Kejadian tanah runtuh itu dipercayai berlaku akibat hakisan tanah di sebelah kiri jalan dan aliran air masih ada di atas jalan dan penilaian kerosakan masih

dalam siasatan.

Sebelum itu, akibat hujan lebat dan berlaku 'kepala air' serta membawa banjir kilat berlumpur menyebabkan 15 premis perniagaan dan lima rumah turut dilanda banjir lumpur.

Pasukan Roadcare Sdn Bhd P4-Bentong akan ke lokasi untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan kelebaran dan ketinggian kawasan runtuh.

## Siasatan kenal pasti punca

Sementara itu, Ahli Parlimen Bentong, Young Syefura Othman, berkata siasatan perlu disegerakan bagi mengenal pasti sama ada berlaku penerokaan atau pembukaan



Su (kiri) meninjau lokasi kejadian jalan runtuh sepanjang 50 meter di laluan FT68, Jalan Bentong-Kuala Lumpur, semalam.

(Foto ihsan Twitter Noor Suhana Ishak)

tanah di bahagian atas bukit sehingga menyebabkan bencana itu kerap berlaku.

Beliau melawat tempat kejadian bersama ADUN Ketari, Thomas Su, untuk meninjau keadaan ketika kejadian, petang semalam dan menasihati orang ramai supaya berhati-hati.

Katanya, satu taklimat bersama Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail diadakan petang semalam bagi mengetahui punca banjir lumpur itu yang kali kedua berlaku dalam tempoh kuarang setahun.

Katanya, sehingga ini pihak ber-

kuasa tidak mengenal pasti punca kejadian itu yang menyebabkan banjir lumpur teruk melanda kawasan berkenaan.

"Petang ini (semalam) MB (Menteri Besar Pahang) dan agensi berkaitan akan mengadakan lawatan di tempat kejadian. Kemudian baru kita tahu apa punca," katanya ketika dihubungi BH.

Young Syefura juga sebelum ini mendesak kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan menerusi kementerian atau agensi yang berkaitan segera menyiasat kejadian banjir lumpur berkenaan.